


**BUKU  
JINGGA**



# UBAH SEKARANG

## SELAMATKAN MALAYSIA



<http://keadilanrakyat.org/>  
<http://anwaribrahimblog.com/>  
<http://www.keadilandaily.com/>  
<http://www.pakatanrakyat.info/>



**PAKATAN RAKYAT**

# INTISARI UCAPAN PIMPINAN PAKATAN RAKYAT



## UBAH SEKARANG, SELAMATKAN MALAYSIA!

Setelah 53 tahun merdeka negara kini berada dalam krisis. Cita-cita untuk membina sebuah bangsa yang bersatu padu dan negara yang makmur telah gagal.

Demokrasi dan hak asasi rakyat terus dinodai oleh Umno/BN. Rasuah dan penyalahgunaan kuasa membarah. Kekayaan negara dibolot segelintir elit berkuasa. Umno/BN tidak mempedulikan rakyat terbanyak yang dihimpit oleh kos sara hidup yang tinggi.

Krisis parah sebegini memerlukan tekad dan azam politik untuk diatasi. Maka, Pakatan Rakyat sebagai permuafakatan politik (tahalluf siyasi) mengangkat suatu rencana dasar dan kebijakan yang menyeluruh untuk membela rakyat melalui Dasar Bersama yang dimeterai.

Dasar Bersama ini berlandaskan 4 kerangka asas:

- 1. Demokrasi yang telus dan tulen untuk memperkasakan ketuanan rakyat;**
- 2. Memacu ekonomi berprestasi tinggi yang mampan untuk menjana kemakmuran dan kebajikan kepada semua secara adil;**
- 3. Keadilan sosial bagi menjamin pembangunan insan secara menyeluruh; dan**
- 4. Hubungan persekutuan-negeri dan dasar luar negara yang adil-setara.**

Muafakat asas yang membentuk Dasar Bersamaini membuktikan ketulusan Pakatan Rakyat yang meletakkan Perlembagaan Persekutuan sebagai kompas perjuangannya. Tiga perkara pertama yang diangkat dalam Dasar Bersama adalah komitmen Kami untuk mempertahankan:

- 1. Islam sebagai agama Persekutuan dan agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman di di negara ini, serta melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak dan kepentingan sah kaum-kaum lain sejajar dengan Perkara 153.**
- 2. Mempertahankan peranan dan tanggungjawab institusi Raja berperlembagaan.**
- 3. Memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu selari dengan Perkara 152 dan memperluaskan Bahasa Melayu sebagai lingua franca serantau, serta melindungi dan memperkukuhkan penggunaan bahasa ibunda semua kaum, serta meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris demi memperbaiki daya saing Malaysia di peringkat global.**

Agenda Pakatan ini adalah penzahiran hasrat rakyat untuk melaksanakan islah masyarakat yang digariskan oleh Dasar Bersama. Ia adalah jendela yang paling luas untuk menggambarkan sebuah Malaysia yang makmur dan adil di bawah Pakatan Rakyat.

Bersama-sama kita berubah sekarang untuk menyelamatkan Malaysia. Ayuh kita bawa mesej perubahan ini ke seluruh pelusuk negara.



**YB Dato' Seri  
Anwar Ibrahim**  
Ketua Umum  
Parti Keadilan Rakyat  
(KEADILAN)

<http://anwaribrahimblog.com/>  
<http://www.anwaribrahim.com/>  
[twitter.com/AnwarIbrahim](http://twitter.com/AnwarIbrahim)

**YB Lim Kit Siang**  
Ketua Ahli Parlimen  
Parti Tindakan  
Demokratik (DAP)

<http://limkitsiang.com/>  
[twitter.com/limkitsiang](http://twitter.com/limkitsiang)

**YB Dato' Seri  
Hj Abdul Awang**  
Presiden  
Parti Islam Se-Malaysia  
(PAS)

<http://presiden.pas.org.my/v2/>





## EKONOMI TERUS MERUDUM

**12** tahun berturut-urut Malaysia alami belanjawan defisit.


**10** tahun berturut-turut Malaysia gagal capai sasaran pertumbuhan ekonomi.

**4.7%** pertumbuhan ekonomi 2001 – 2005, rendah dari sasaran, 7.5%.

**KDNK** lebih kecil dari KDNK Singapura sejak 2009, kali pertama dalam sejarah.

**RM325b** ilion wang PETRONAS disedut antara 2007-2010, purata RM 81.25 billion setahun.

**3** kali ganda peningkatan perbelanjaan kerajaan ditampung PETRONAS dan hutang (RM68 bilion pada 1998 kepada RM214 bilion pada 2010).



## BEBANAN RAKYAT Gaji tak naik, kuasa beli menurun, kos sara hidup pula melonjak tinggi.

**2.6%** kenaikan gaji 2000 – 2010, berbanding 3.2% kenaikan gaji dunia (termasuk di negara miskin).

**34%** pekerja ( $\approx$  4 juta orang) mendapat gaji kurang RM700 sebulan (di bawah paras miskin).

**RM4b** ilion subsidi makanan cuba ditarik balik oleh Umno/BN, manakala RM19 bilion subsidi gas dan RM4 bilion pampasan dibayar kepada pemegang konsesi lebuhraya setiap tahun.

**RM19b** ilion subsidi diberi kepada penjana bebas kroni setiap tahun, manakala RM11 bilion subsidi minyak rakyat cuba ditarik balik.

**RM466b** ilion hutang peribadi ditanggung oleh isi rumah rakyat Malaysia, paling buruk di Asia.





**HAK RAKYAT DINODAI** Peristiwa salah guna kuasa yang memangsakan rakyat semakin meningkat. Insiden seperti kes kematian Teoh Beng Hock, Kugan dan Aminulrasyid yang maut ditembak polis semakin menakutkan. Kebebasan rakyat untuk berkumpul dan bersuara disekat, malah internet turut dikekang. Tidak ada tanda Umno/BN akan berubah dengan sendiri.

**RASUAH BERMAHARAJALELA** Rasuah merebak kerana Umno/BN selesa dengan golongan rentier (atas angin dan ali baba) dari kalangan kroni. Merekalah parasit yang membaham dan mencuri wang rakyat untuk kantung sendiri.

**RM28b** ilion kerugian ditanggung negara setiap tahun akibat ketirisan dan rasuah.

**3** kali ganda hasil negara hilang akibat rasuah, berbanding jumlah dibelanjakan untuk subsidi minyak.



**KETEGANGAN MASYARAKAT PELBAGAI KAUM** Taktik pecah dan perintah yang diwarisi dari penjajah ini semakin menjadi-jadi sejak tsunami kebangkitan rakyat 2008, sehingga menggadai keharmonian masyarakat pelbagai kaum.



**KEROSAKAN INSTITUSI NEGARA** 26 anak tangga Malaysia jatuh dalam indeks integriti institusi awam mengikut World Economic Forum dari tahun 2007 ke 2009.

**KRISIS PENDIDIKAN** Sekolah, kolej dan universiti dijadikan pentas oleh penguasa untuk meraih pengaruh politik. Natijahnya pencapaian pendidikan merudum.

**57** adalah tempat Malaysia dalam senarai Laporan Pembangunan Dunia 2010, jauh di belakang Hong Kong (21), Singapura (27) dan Brunei (37).

**68.7%** sahaja rakyat Malaysia yang tamat pendidikan menengah antara 2001-2009,

**1** dari setiap 4 orang rakyat Malaysia tidak tamat pendidikan menengah antara 2001-2009.







# KEMAKMURAN, KEADILANA SOSIAL DAN PERSAUDARAAN RAKYAT

## BERSAMA PAKATAN RAKYAT

Rekod pembelaan rakyat yang dicapai oleh negeri-negeri Pakatan Rakyat iaitu Kelantan, Kedah, Pulau Pinang dan Selangor tidak dapat ditandingi oleh lawan. Pentadbiran Pakatan Rakyat diakui bebas rasuah, telus, berjiwa rakyat dan berkebijaksanaan serta berjaya meningkatkan hasil negeri berdasarkan laporan rasmi dari Jabatan Audit Negara, serta badan penilai dan pemantau bebas.

Pakatan Rakyat bertekad menterjemahkan Dasar Bersama berikut:

- **Membebaskan Institusi Negara**
  - o menghalang campur-tangan politik
  - o menubuhkan jawatankuasa penilai di parlimen
- **Pengagihan ekonomi yang adil**
  - o bantuan terus ke sasaran seperti warga emas, ibu tunggal dan lain-lain
  - o mempertahankan subsidi barangan asas dan minyak untuk rakyat
- **Tingkatkan pendapatan boleh guna rakyat**
  - o membatalkan penswastan sektor kesihatan (hospital)
  - o skim mikro kredit untuk golongan miskin
- **Pemberdayaan Rakyat**
  - o mengiktiraf peranan rakyat dalam menjamin pentadbiran bersih
  - o mewujudkan enakmen kebebasan maklumat
- **Mengutamakan golongan pendidik**
  - o bantuan terus kepada institusi pendidikan
  - o harmonikan gaji golongan pendidik secara adil
- **Budaya Ilmu sebagai teras universiti**
  - o mengembalikan kebebasan akademik dan intelek
  - o meritokrasi sebagai asas lantikan pimpinan universiti
  - o menghapuskan AUKU dan membela hak bersuara siswa
  - o menyelesaikan isu PTPTN yang membebankan siswa
- **Memerangi rasuah**
  - o meletakkan pengurusan SPRM di bawah Parlimen
  - o menyediakan peguam bagi membela individu pelapur rasuah
  - o melaksanakan amalan tender terbuka
  - o perang habis-habisan ke atas rasuah di semua peringkat
- **Sabah-Sarawak sebagai rakan kongsi**
  - o autonomi kepada Sabah dan Sarawak
  - o Naikkan royalti minyak 20% dari 5% sekarang
  - o pembangunan infrastruktur agar setara dengan Semenanjung



# DEMOKRASI TELUS DAN TULEN

# DASAR BERSAMA

## PAKATAN RAKYAT

Perlembagaan negara dan kedaulatan undang-undang:

- Mempertahankan Perlembagaan Persekutuan
- Mempertahankan institusi Raja berpelembagaan
- Memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu
- Memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)
- Menjamin semangat persekutuan di antara Pusat, negeri, Sabah dan Sarawak.

Pemisahan kuasa

- Memulihkan kewibawaan sistem kehakiman
- Menyusun perjalanan Parlimen agar lebih telus dan demokratik
- Meletakkan tanggungjawab SPR, SPRM, Petronas, Khazanah terus kepada Parlimen.
- Mewajibkan perantikan Ketua Polis Negara, Peguam Negara, Ketua SPRM dan Ketua Audit Negara mendapat kelulusan Parlimen.
- Mewujudkan Jabatan Hisbah Negara (Ombudsman).
- Meminda Akta Cetak dan Penerbitan dan Akta Kebebasan Maklumat

Sistem pilihanraya yang bersih, bebas dan adil

- Membolehkan rakyat 18 tahun mengundi melalui pendaftaran automatik.
- Memansuhkan undi pos dan menggunakan dakwat kekal.
- Memastikan media memberi ruang adil kepada semua parti politik.

## MEMACU EKONOMI BERPRESTASI TINGGI, MAPAN DAN ADIL

Ekonomi Kemahiran Tinggi

- Memastikan rakyat diberi mendapat peluang meningkatkan kemahiran.
- Menggalakkan rakyat permaustautin mahir di luar kembali ke tanah air

Ekonomi Demokratik dan Telus

- Sistem tender yang adil dan telus.
- Menolak penswastaaan yang membebankan rakyat.

Desentralisasi dan Pengupayaan Pengurusan Ekonomi Negeri

- Melaksanakan formula geran pembangunan berdasarkan faktor jumlah penduduk dan kadar kemiskinan
- Melaksanakan pembangunan melebar dan seimbang bagi mengurangkan tumpuan di Lembah Klang.

Dasar Afirmatif Berdasarkan Keperluan

- Menjamin bantuan ekonomi yang adil kepada semua berdasarkan keperluan dan merit.

Tenaga Kerja

- Memperkenalkan gaji minima
- Mempertahankan hak pekerja untuk membentuk kesatuan sekerja
- Menyusun dasar bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

Jaringan Perlindungan Sosial

- Memperkukuhkan KWSP dan sistem pencen untuk setiap pekerja swasta.
- Memperkenalkan usia tamat tempoh perkhidmatan 60 tahun

Perumahan

- Menambahkan rumah mampu milik dan mencapai matlamat Satu Keluarga, Satu Rumah.
- Mengatasi masalah 'peneroka bandar' melalui penyelesaian menang-menang

Prasarana dan Kemudahan Awam

- Menjamin khidmat air, elektrik, pengangkutan dengan caj mampu untuk rakyat.
- Meningkatkan sistem pengangkutan awam.
- Memberi permit teksi kepada pengusaha individu dan persatuan mereka.

Alam Sekitar

- Membudayakan amalan kitar semula
- Memastikan pembalakan dan pembinaan di lereng bukit terkawal.





# KEADILAN SOSIAL DAN PEMBANGUNAN INSAN

- Mengimbangi sistem peperiksaan dengan pembelajaran kritis dan analitikal bagi mencari kebenaran.
- Memastikan pembiayaan kepada sekolah kebangsaan Cina dan Tamil
- Menekankan kepentingan menguasai bahasa lain termasuk Bahasa Inggeris, Arab, Cina
- Menyediakan tempat dan latihan kepada mereka yang keciciran.

## Wanita Dan Institusi Keluarga

- Memastikan wanita mendapat layanan dan yang adil dalam segala bidang.
- Meningkatkan Kadar Guna Tenaga bagi Wanita ke tahap 60% dalam tempoh 10 tahun.
- Memperuntukkan 30% perwakilan wanita dalam barisan pimpinan politik dan kerajaan.

## Golongan Muda

- Menjamin peluang dan hak sama rata serta adil untuk golongan muda

## Keselamatan

- Menjadikan polis bebas dan profesional dalam mencegah jenayah.
- Melengkapkan polis dengan peralatan dan latihan yang terkini.
- Melaksanakan semua saranan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis.

## Kesihatan

- Meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan awam supaya lebih setanding dengan swasta.

## Kebudayaan

- Menjamin kebebasan pengucapan penghasilan karya medium.

## Perpaduan dan Keadilan Sosial

- Menggubal Akta Perhubungan Kaum bagi menjamin keharmonian rakyat.
- Menghapuskan amalan politik perkauman.
- Memupuk budaya Malaysia berasaskan nilai moral dan citra unggul bersama.
- Meningkatkan kebajikan Orang Asli, Orang Asal dan golongan minoriti lain

## Agama

- Mengganjur dialog antara peradaban untuk persefahaman.
- Menubuhkan mekanisme bagi menyelesaikan kes-kes yang melibatkan pertindihan sistem perundangan sivil dan syariah.
- Mengurus institusi Islam seperti Baitul Mal dan Tabung Haji agar lebih cekap dan telus.
- Memastikan kawasan sesuai untuk tempat ibadat dan pusara bagi semua agama.

## Pendidikan

- Menjadikan sekolah kebangsaan sebagai peneraju pendidikan negara.

# HUBUNGAN PERSEKUTUAN- NEGERI DAN DASAR LUAR NEGARA

## Sistem Persekutuan


- Royalti sebanyak 20% hasil petroleum kepada negeri untuk membasmi kemiskinan.
- Menambah geran per kapita untuk negeri-negeri.

## Sabah dan Sarawak

- Royalti 20% bagi khazanah negeri Sabah dan Sarawak untuk dinikmati rakyatnya.
- Suruhanjaya Diraja untuk menyelesaikan isu pendatang asing.
- Menjamin hak Tanah Adat Orang Asal tidak dicabuli.
- Menghentikan serta-merta penindasan terhadap rakyat pedalaman.

## Dasar Luar Negara

- Menjadi pelopor aktif dan peneraju dialog antara peradaban.
- Mengukuhkan kerjasama diplomatik dan perdagangan dengan rakan serantau Asean.
- Memperkukuh peranan Malaysia dalam organisasi-organisasi antarabangsa.





# PROGRAM 100 HARI PAKATAN RAKYAT

Pakatan Rakyat akan melaksanakan reformasi menyeluruh dalam semua aspek pengurusan negara, ekonomi, pendidikan dan sebagainya berdasarkan prinsip yang digariskan di dalam Dasar Bersama.

Sebagai permulaan bagi reformasi tersebut, dalam tempoh 100 hari pertama kami mendapat mandat rakyat, kami akan melaksanakan program berikut:

**1**

## HAPUSKAN TOL

Mengarahkan Khazanah Bhd, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan lain-lain badan milik kerajaan yang memiliki konsesi lebuhraya untuk menyempurnakan ambil alih aset lebuhraya oleh kerajaan dengan tujuan menghapuskan tol.



**2**

## LEBIH SUBSIDI UNTUK RAKYAT

Merombak struktur subsidi negara bagi mengurangkan subsidi kepada pihak swasta (seperti subsidi gas sebanyak RM19 bilion kepada penjana bebas) dengan memindahkannya bagi menampung perbelanjaan subsidi rakyat.

**HARGA  
BARANG**

**TURUN**

**3**

## LEBIH IMBUHAN

Mengiktiraf peranan dan jasa kakitangan awam dengan mengkaji semula struktur gaji bermula dengan menaikkan imbuhan perguruan sebanyak RM500 sebulan setiap seorang guru sebagai penghargaan guru pendidik bangsa.



**4**

## AIR HAK RAKYAT

Mengembalikan semua konsesi pengurusan air yang diuruskan swasta kepada kerajaan.



**5**

## WI-FI PERCUMA

Menyediakan perkhidmatan kepada semua rakyat di kawasan bandar dan separa bandar.



**6**

## BUKA LADANG FELDA PLANTATIONS

Membatalkan Felda Plantations agar ladang-ladang yang kini diuruskannya, dibuka untuk generasi kedua dan ketiga Felda.



**7**

## 20% ROYALTI MINYAK

Menaikkan royalti minyak kepada Sabah, Sarawak, Terengganu dan Kelantan kepada 20%.



**8**

## HAPUS AKTA ZALIMI RAKYAT

Memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).



**9**

## REFORMASI SISTEM PENTADBIRAN KERAJAAN

Mengembalikan kewibawaan insitituti Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pejabat Peguam Negara dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).



**10**

## TANGANI PATI SABAH

Menubuhkan Suruhanjaya Diraja bagi menyelesaikan kemelut pendatang tanpa izin dan kerakyatan di negeri Sabah.



Diterbitkan oleh Sekretariat Pakatan Rakyat.

Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) A-1-09, Merchant Square, No. 1, Jalan Tropicana Selatan 1, 47410 Petaling Jaya Parti Tindakan Demokratik (DAP) Ibu Pejabat Kebangsaan, Jalan Yew (off Jalan Pudu), 55100 Kuala Lumpur Parti Islam Se-Malaysia (PAS) 318-A, Lot 1636, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.